

KOSMO 11 JUN 2016 (KOMUNITI) M/S.50

## 2,000 pelajar UMP sertai larian malam

**AKTIVITI MALAM.** Kira-kira 2,000 pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) menyertai UMP Neon Night Run sempena penganjuran International Festival Innovation On Green Technology 2016 di kampus UMP Gambang, Pahang baru-baru ini.

Keceriaan program diserikan dengan peserta memakai pakaian bercahaya dan berlari mengelilingi kampus berkenaan sejauh lima kilometer.

Program dirasmikan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMP, Prof. Datuk Dr. Rosli Mohd. Yunus.

Program bertujuan memupuk dan menggalakkan pelajar program yang berunsurkan sukan dan sihat.

**SEBAHAGIAN** daripada peserta UMP Neon Night Run bergambar sebelum memulakan larian yang berlangsung di sekitar kampus UMP Gambang baru-baru ini.

